

Ketua negara OIC beri penghargaan kepada Mahathir

UM 18 OCT 2003

PUTRAJAYA 17 Okt. – Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berakhir malam ini diakhiri dengan Ketua-Ketua Negara menganugerahkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Penghargaan itu diumumkan oleh Presiden Sierra Leone, Dr. Ahmad Tejan Kabbah yang sebelum itu berucap mewakili Kumpulan Afrika.

Dr. Ahmad Tejan berkata, penghargaan itu merupakan pengiktirafan kepada Dr. Mahathir atas sumbangan berterusan dan berkesan beliau kepada pelaksanaan objektif OIC dan umat Islam.

Beliau berkata, Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Luar OIC telah memutuskan untuk menganugerahkan Sijil Penghargaan kepada Dr. Mahathir dan pengumuman itu disambut dengan tepukan gemuruh daripada pemimpin-pemimpin OIC dan delegasi yang berada di dalam dewan.

Dr. Ahmad Tajem kemudian meminta Setiausaha Agung OIC, Dr. Abdelouahed Belkeziz menyerahkan anugerah tersebut kepada Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir yang agak terkejut dengan anugerah berkenaan teragak-agak untuk pergi ke hadapan untuk menerima anugerah tersebut sehingga Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar terpaksa menjemput beliau ke hadapan.

Setelah menerima anugerah itu, Perdana Menteri yang kelihatan terharu mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin serta delegasi di samping penterjemah yang menjadikan sidang kemuncak itu sesuatu yang dapat dipuji.

Sebelum itu Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf yang berucap mewakili Asia menghargai sumbangan Dr. Mahathir kepada OIC.

Musharraf kemudian memberikan tabik hormat kepada Dr. Mahathir dan menuju ke arah beliau untuk bersalam dan mengucapkan ribuan terima kasih secara peribadi.

Sementara Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah meminta izin daripada Dr. Mahathir untuk mengumumkan bahawa negara itu menderma RM3.8 juta (USA\$1 juta) kepada OIC.

Selepas Dr. Mahathir mengumumkan bahawa sidang kemuncak itu berakhir, Ketua-Ketua Negara OIC dan delegasi berkerumun di pentas utama untuk bersalam dengan Perdana Menteri dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau.

Perdana Menteri menghabiskan lebih kurang setengah jam untuk bersalam dengan Ketua-Ketua Negara dan delegasi antaranya ialah Presiden Iran, Mohammad Khatami dan Perdana Menteri Lebanon, Rafiq Hariri.

Ada delegasi yang meminta tandatangan Dr. Mahathir dan bergambar kenangan dengan beliau.